Abdullah Hilmi bin Abdul Razak dan lain-lain lwn Toh Beng Hock dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — RAYUAN SIVIL NO 12(A)NCVC-02–03 TAHUN 2017
ABU BAKAR PK
22 DISEMBER 2017

Had Masa — Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam — Sama ada tindakan disekat had masa — Sama ada tindakan plaintif adalah tidak sah — Pengiraan masa kausa tindakan bermula – Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 s 2(a) — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19

Prosedur Sivil — Had masa — Tempoh batasan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 36 bulan — Pembatalan pliding — Sama ada tuntutan plaintif di luar had masa

Pada 25 Mac 2011, lori milik plaintif kedua telah ditahan oleh defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat. Plaintif pertama kemudian dituduh di mahkamah sesyen di bawah s 46 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 kerana disyaki menyimpan hidupan liar tanpa kebenaran yang sah oleh defendan kelima. Hidupan-hidupan liar yang disimpan di lori dan premis plaintif-plaintif telah disita oleh defendan-defendan pertama sehingga keempat. Hasil sitaan tersebut dianggar sebanyak RM113,000. Selepas perbicaraan penuh pada 1 Jun 2012, plaintif pertama dan kedua diputuskan tidak bersalah atas pertuduhan dan seterusnya dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri. Plaintif-plaintif kemudian memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan-defendan untuk menuntut kerugian yang dialami. Defendan-defendan telah memfailkan permohonan di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') untuk membatalkan writ dan penyata tuntutan tetapi hakim mahkamah sesyen telah menolak permohonan defendan-defendan. Defendan-defendan yang terkilan dengan keputusan hakim mahkamah sesyen merayu ke Mahkamah Tinggi.

Diputuskan, membenarkan rayuan defendan-defendan dengan kos sebanyak RM1,500 dan membatalkan writ dan penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif pertama dan kedua:

(1) Penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif-plaintif menjurus kepada kausa tindakan menahan lori secara salah pada 25 Mac 2011. Tindakan plaintif pertama dan plaintif kedua bergantung kepada 'single act' iaitu

termasuk dalam frasa cabang pertama, s 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 ('Akta'). Mahkamah berpendapat bahawa kausa tindakan bermula dari tarikh penahanan lori milik plaintiff kedua pada 25 Mac 2011 dan bukannya selepas perintah pelepasan dan pembebasan yang dikeluarkan oleh mahkamah pada 1 Jun 2012. Oleh itu, tindakan plaintif pertama dan kedua terhalang oleh had masa mengikut cabang pertama s 2(a) Akta dan permohonan defendan-defendan termasuk dalam A 18 k 19(1)(b) KKM iaitu 'mengaibkan, remeh atau menyusahkan' (lihat perenggan 24–27 & 32–33).

[English summary

On 25 March 2011, the lorry of the second plaintiff was confiscated by the first, second, third and fourth defendants. The first plaintiff was then charged in sessions court under s 46 of the Wildlife Conservation Act 2010 for allegedly storing wildlife without lawful permission from the fifth defendant. The wildlife stored in the lorries and premises of the plaintiffs were seized by the first to fourth defendants. The amount seized was estimated at RM113,000. After a full trial on 1 June 2012, the first and second plaintiffs were found innocent on the charge and subsequently released from the charge without being called to defend himself. The plaintiffs then filed writ and statement of claim against the defendants to claim the loss suffered. The defendants filed an application under O 18 r 19 of the Rules of Court 2012 to strike out the writ and statement of claim but the sessions court judge had rejected the application of the defendants. The defendants who are aggrieved by the decision of the court judge appealed to the High Court.

Held, allowing the defendants' appeals with cost of RM1,500 and striking out of the writ and statement of claim filed by the first and second plaintiffs:

(1) The statement of claim filed by the plaintiffs refers to the cause of action of the confiscation of the lorry on 25 March 2011. The first plaintiff and the second plaintiff cause of action depended on a single act which is pursuant to the first limb of s 2(a) of the Public Authorities Protection Act 1948 ('the Act'). The court is of the opinion that the cause of action commences from the date of the confiscation of the lorry of the second plaintiff on 25 March 2011 instead of after the release order issued by the court on 1 June 2012. Therefore, the first and second plaintiffs' actions are obstructed by limitation period according to the first branch of s 2(a) of the Act and the defendants' application pursuant to O 18 r 19 (1) (b) of the Rules of Court 2012 is 'humiliating, trivial or inconvenient' (see paras 24–27 & 32–33).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai had masa secara am, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 6398–6459.

Untuk kes-kes mengenai sama ada tindakan disekat had masa, lihat 9 *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 2583–2588.

Kes-kes yang dirujuk

Alias bin Ismail v Hairuddin bin Mohamad & Anor [1997] 3 MLJ 724; [1997] 4 CLJ 669, MR (dirujuk)
Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36, MA (dirujuk)
Chip Chong Sawmill Co Sdn Bhd & Ors v Chai Khiun Fui [1978] 2 MLJ 24; [1978] 1 LNS 28, MP (dirujuk)
Credit Corporation (M) Bhd v Fong Tak Sin [1991] 1 MLJ 409, MA (dirujuk)
Evans v Bartlam [1937] AC 473, HL (dirujuk)
Haji Hussin bin Haji Ali & Ors v Datuk Haji Mohamed bin Yaacob & Ors and connected cases [1983] 2 MLJ 227; [1983] CLJ Rep 165, MP (dirujuk)
Ibrahim bin Mohideen Kutty v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2003] 5 MLJ 294; [2003] 6 CLJ 144, MT (dirujuk)
Joseph bin Paulus Lantip & Ors v Unilever Plc [2012] MLJU 1759; [2012] 7 CLJ 693, MP (dirujuk)
Muniandy s/o Subrayan & Ors v Chairman & Board Members Of Koperasi Menara Maju Bhd [1997] 1 MLJ 557; [1997] 1 CLJ 417, MR (dirujuk)
Ronald Beadle v Hamzah HM Saman & Ors [2007] 2 MLJ 201; [2007] 1 CLJ 421, MR (dibeza)
S Veerasingam v Keretapi Tanah Melayu Bhd & Ors [1999] 5 MLJ 214, MT (dirujuk)
Seloga Jaya Sdn Bhd v Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd [1994] 2 MLJ 97; [1994] 2 CLJ 716, MA (dirujuk)
Selvaraju a/l Ponniah v Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor [2007] 7 MLJ 1, MP (dirujuk)
Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v Arab-Malaysian Finance Bhd [1996] 1 MLJ 30, MP (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 s 8(1)
Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 s 46
Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 s 2(a)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(b), (1)(d)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 kk 19, 19(1)(b), (1)(d)

Pyara Singh a/l Dara Singh (Andrew Paul & Assoc) bagi pihak perayu-perayu.
Aliza bt Jamaluddin (Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah) bagi pihak responden-responden.

Abu Bakar PK:

MUKADIMAH

[1] Ini merupakan rayuan oleh plaintif-plaintif ke Mahkamah Rayuan, Malaysia atas keputusan mahkamah ini membatalkan writ dan penyata tuntutan plaintif-plaintif mengikut A 18 k 19(1)(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM').

LATAR BELAKANG KES

[2] Pada 25 Mac 2011, jam lebih kurang 2 petang, sebuah lori nombor pendaftaran: RD 5687 milik plaintif kedua telah ditahan secara salah, tidak sah dan tanpa sebarang sebab dan alasan munasabah oleh defendan pertama hingga defendan keempat.

[3] Plaintif pertama ditahan kerana disyaki menyimpan hidupan liar tanpa kebenaran yang sah daripada defendan kelima. Plaintif-plaintif telah dituduh melakukan kesalahan menyimpan daging babi hutan haiwan yang dikatakan dilindungi dan disenaraikan di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ('Akta').

[4] Kesemua daging-daging babi hutan yang disimpan di dalam lori plaintif kedua tersebut telah disita secara salah, tidak sah dan secara penyalahgunaan kuasa oleh defendan pertama hingga defendan keempat. Selain dari itu, daging-daging babi hutan yang disimpan di dalam premis plaintif-plaintif juga disita. Plaintif-plaintif menganggarkan daging babi hutan yang disita bernilai RM113,000.

[5] Plaintif pertama telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Kangar atas kesalahan di bawah s 46 Akta iaitu kesalahan menyimpan hidupan liar dipremis tanpa kebenaran defendan kelima (Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara).

[6] Plaintif pertama dan plaintif kedua tidak mengaku bersalah atas pertuduhan. Selepas perbicaraan penuh diadakan, plaintif pertama dan plaintif kedua diputuskan tidak bersalah atas pertuduhan. Mereka dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela dirinya.

[7] Plaintif pertama dan plaintif kemudiannya memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan pertama hingga defendan keenam bagi menuntut kerugian yang dialaminya akibat tindakan defendan pertama hingga defendan keempat secara salah menahan dan menyita daging babi hutan yang terlibat (rekod rayuan (RR) (JILID 3-BAHAGIAN D) (ms 2–10).

[8] Defendan-defendan kemudianya memfailkan notis permohonan di bawah A 18 k 19 KKM untuk membatalkan writ dan penyata tuntutan plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif telah membantah permohonan defendan-defendan untuk membatalkan pliding. Notis permohonan telah dibicarakan di hadapan tuan hakim, Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis ('tuan HMS itu') dan di akhir pendengaran kes, tuan HMS itu telah menolak permohonan defendan-defendan untuk membatalkan pliding.

[9] Defendan-defendan yang terkilan dengan keputusan tuan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar, Perlis.

MERIT RAYUAN

[10] Mahkamah ini ingin menyentuh prosedur rayuan kepada hakim dalam kamar ialah seolah-olah ianya didengar buat pertama kalinya di hadapan mahkamah ini. Mahkamah ini merujuk kes *Seloga Jaya Sdn Bhd v Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd* [1994] 2 MLJ 97; [1994] 2 CLJ 716 yang menerima pakai keputusan kes *Evans v Bartlam* [1937] AC 473 (HL), Lord Atkin di ms 478 menyatakan:

> Now, in *Evans v Bartlam*, 3 Lord Atkin said this (at p 478):
>
> > The power to set aside a judgment obtained on default of appearance is given to the Court or a Judge under RSC Order XIII, r 10, and a similar power extending to judgments by default under any rule is given by RSC O XXVII, r 15. It is a power entrusted to the discretion of the Court or Judge, and by RSC Order LIV, r 12, the master is given jurisdiction to exercise the discretion.
>
> As to the limits of the discretion, if any, it may be necessary to say a word or two later. I stay only to mention a contention of the respondent that, the master having exercised his discretion, the Judge in chambers should not reverse him unless it was made evident that the master had exercised his discretion on wrong principles. I wish to state my conviction that, where there is a discretionary jurisdiction given to the court or a judge, the judge in chambers is in no way fettered by the previous exercise of the master's discretion. *His own discretion is intended by the rules to determine the parties' rights, and he is entitled to exercise it as though the matter came before him for the first time*. He will, of course, give the weight it deserves to the previous decision of the master, but he is in no way bound by it. This, in my experience, has always been the practice in chambers, and I am glad to find it confirmed by the recent decision of the Court of Appeal in *Cooper v Cooper* [1936] WN 205, with which I entirely agree. (Penekanan ditambah.)

[11] Mahkamah ini turut merujuk kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v Arab-Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 MLJ 30 yang telah menzahirkan pandangannya sebagaimana berikut:

> With respect, in appeals to a judge in chambers from the decision of a registrar of the High Court, the judge is not exercising appellate jurisdiction in the same sense as

when he hears appeals from judgments, decisions or orders of the subordinate courts. Such appeals from decisions of the registrar are by way of an actual rehearing and the *judge treats the matter as though it comes before him for the first time*. The judge is therefore not confined to the points taken before the registrar so that the rule about new points being not generally open to an appellant to take on appeal does not apply. In support, we would refer to the following passage in the judgment of Payne J in *Blundell v Rimmer* [1971] 1 All ER 1072 at p 1076; [1971] 1 WLR 123 at p 127:

> I understand that the arguments before me ranged over a wider ground than those advanced by the parties' solicitors to the district registrar, and it was contended by counsel for the plaintiff that I was fettered by the proceedings before the district registrar and confined to the arguments which were presented to him — that no point could be raised before me which was not raised below. It is, I think, clear on authority that the appeal from the district registrar is a rehearing of the application and I am entitled to treat the matter as though it had come before me for the first time, and, moreover, that I am not fettered by the previous exercise of the district registrar's discretion, although I should, of course, give to it the weight which it deserves. Authority for this proposition can be found in the speech of Lord Atkin in *Evans v Bartlam* and in the notes in 1 The Supreme Court Practice 1970 at p 759 para 58/1/2, p 762 para 58/4/1, under RSC O 58 rr 1 and 4.

[12] Berbekalkan prinsip undang-undang yang dirujuk sebelum ini iaitu *Seloga Jaya Sdn Bhd* dan *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman*, mahkamah ini akan menyentuh rayuan oleh defendan-defendan berkaitan permohonan untuk membatalkan writ dan penyata tuntutan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua mengikut peruntukan di bawah A 18 k 19(1)(b) dan (d) KKM (rekod rayuan) (RR) (JILID 3-BAHAGIAN D) (ms 24–26).

[13] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan, eloklah dijenguk kembali nas-nas duluan yang memberikan garis panduan semasa menimbangkan permohonan untuk membatalkan pliding. YAA Tun Arifin Zakaria KHN (pada ketika itu) ada menzahirkan tujuan digubal A 18 k 9(1) KKM ('dahulunya Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980') dalam kes *Joseph bin Paulus Lantip & Ors v Unilever Plc* [2012] MLJU 1759; [2012] 7 CLJ 693 yang menyatakan:

> [44] Since O18 r 19(1) of the RHC is coercive in nature and is exercised by summary process, the court exercises this power with the greatest of care and circumspection and only in the clearest case. (See *Pleadings: Principles and Practice*, by Sir Jack Jacob and Iain S Goldrein, Sweet & Maxwell, 1990, at p 214).This rule is only applicable where, on the face of it, the claim or defence is 'obviously unsustainable'. (See *Attorney General of the Duchy of Lancaster v London and North Western Railway Company* [1892] 3 Ch 274).

[14] Mahkamah ini berpendapat penghakiman ini tidak lengkap tanpa

merujuk panduan yang diputuskan dalam kes tersohor iaitu *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 dalam nada yang sama menyatakan seperti berikut:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the RHC are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley MR in *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd* 7, and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NW Rly Co* 8). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v Moloney & Ors* 9). The authorities further show that if there is a point of law which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O 33 r 3 (which is in pari materia with our O 33 r 2 of the RHC) (see *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd* 7). The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.

[15] Mahkamah ini telah menimbangkan kes-kes *Chip Chong Sawmill Co Sdn Bhd & Ors v Chai Khiun Fui* [1978] 2 MLJ 24; [1978] 1 LNS 28 dan *Muniandy s/o Subrayan & Ors v Chairman & Board Members Of Koperasi Menara Maju Bhd* [1997] 1 MLJ 557; [1997] 1 CLJ 417 yang memutuskan budi bicara mahkamah ini dalam membenarkan permohonan yang difailkan oleh defendan-defendan mengikut A 18 k 19(1) KKM.

[16] Mahkamah ini akan menyentuh isu yang diketengahkan dalam rayuan oleh defendan-defendan. Secara ringkasnya peguam kanan persekutuan ('PKP') yang terpelajar menghujahkan tindakan yang difailkan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua melebihi had masa yang dibenarkan mengikut peruntukan s 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 ('PAPA').

[17] PKP yang terpelajar menghujahkan kausa tindakan bermula sebaik penahanan lori plaintif kedua yang dikatakan secara salah, tidak sah, tanpa sebab dan alasan yang munasabah pada 25 Mac 2011. PKP yang terpelajar menghujahkan tempoh 36 bulan bermula daripada tarikh 25 Mac 2011. Plaintif pertama dan plainif kedua memfailkan writ dan penyata tuntutan pada 24 Jun 2015 iaitu melebihi 36 bulan sebagaimana yang dibenarkan dalam cabang pertama s 2(a) PAPA.

[18] PKP yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada nas-nas duluan yang memutuskan tempoh masa yang diperuntukan di bawah s 2(a) PAPA perlu dipatuhi secara ketat. PKP yang terpelajar merujuk kes-kes *Selvaraju a/l Ponniah v Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor* [2007] 7 MLJ 1, *Haji Hussin bin Haji Ali & Ors v Datuk Haji Mohamed*

bin Yaacob & Ors and connected cases [1983] 2 MLJ 227; [1983] CLJ Rep 165 dan *Alias bin Ismail v Hairuddin bin Mohamad & Anor* [1997] 3 MLJ 724; [1997] 4 CLJ 669 sebagai nas sandarannya bagi menyokong penegasannya.

[19] PKP yang terpelajar selanjutnya menghujahkan daripada penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua khususnya di perenggan 6, 7, 8, 15,16 dan 18 dan *prayers* (a) hingga (c) merujuk kepada penahanan lori pada 25 Mac 2011. PKP yang terpelajar kausa tindakan merupakan perbuatan tunggal (*single act*) termasuk dalam cabang pertama, s 2(a) PAPA dan bukannya perbuatan yang berterusan sebagaimana di cabang kedua yang cuba dihujahkan oleh peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar.

[20] PKP yang terpelajar tidak bersetuju dengan hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang menghujahkan kausa tindakan bermula daripada tarikh plaintif pertama dan plaintif kedua dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis pada 1 Jun 2012.

[21] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar menghujahkan kausa tindakan bermula sebaik keputusan mahkamah sesyen yang melepaskan dan membebaskan plaintif pertama dan plaintif kedua daripada pertuduhan di bawah s 46 PAPA. Secara alternative, kausa tindakan bermula sebaik lori itu dipulangkan oleh defendan-defendan pada 11 September 2013. Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar bergantung kepada cabang kedua, s 2(a) PAPA dan menghujahkan tindakan difailkan dalam tempoh yang dibenarkan oleh undang-undang.

[22] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar merujuk kepada nas-nas duluan iaitu *Ibrahim bin Mohideen Kutty v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2003] 5 MLJ 294; [2003] 6 CLJ 144; *Ronald Beadle v Hamzah HM Saman & Ors* [2007] 2 MLJ 201; [2007] 1 CLJ 421 dan *S Veerasingam v Keretapi Tanah Melayu Bhd & Ors* [1999] 5 MLJ 214 bagi menyokong pendiriannya iaitu kausa tindakan termasuk dalam cabang kedua, s 2(a) PAPA.

[23] Mahkamah ini berpendapat bagi memudahkan isu yang diketengahkan dapat difahami dengan lebih jelas, eloklah diperturunkan peruntukan s 2(a) PAPA yang berbunyi seperti berikut (dalam bahasa asalnya):

> Where, after the coming into force of this Act, any suit, action, prosecution or other proceeding is commenced in the Federation against any person for any act done in pursuance or execution or intended execution of any written law or of any public duty or authority or in respect of any alleged neglect or default in the execution of any such written law, duty or authority the following provisions shall have effect:

(a) the suit, action, prosecution or proceeding shall not lie or be instituted unless it is commenced within thirty-six months next after the act neglect or default complained of or, in the case of a continuance of injury or damage, within thirty-six months next after the ceasing thereof; A

[24] Mahkamah ini telah menghalusi penghujahan pihak-pihak, permohonan defendan-defendan untuk membatalkan writ dan penyata tuntutan menurut peruntukan A 18 k 19(1)(b) dan (d) KKM. Mahkamah ini telah meneliti penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua ia menjurus kepada kausa tindakan menahan lori secara salah pada 25 Mac 2011. B C

[25] Mahkamah ini berpendapat kausa tindakan plaintif pertama dan plaintif kedua termasuk dalam cabang pertama, s 2(a) PAPA yang menyatakan 'unless it is commenced within thirty-six months next after the act neglect or default complained of ...'. D

[26] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar, kausa tindakan bermula mulai tarikh penahanan lori milik plaintif kedua pada 25 Mac 2011 dan bukannya selepas perintah pelepasan dan pembebasan yang dikeluarkan oleh mahkamah pada 1 Jun 2012 sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh peguam plaintif pertama dan plaintif kedua. E

[27] Mahkamah ini merujuk perenggan-perenggan yang ditonjolkan oleh PKP yang terpelajar secara jelas ia merupakan 'single act' dan bukannya 'in the case of a continuance of injury or damage, within thirty-six months next after the ceasing thereof;' iaitu cabang kedua kepada s 2(a) PAPA: F

6. Pada 25/3/2011 jam lebih kurang 2 petang, sebuah lori milik Plaintif Kedua bernombor pendaftaran RD 5687 *telah ditahan secara salah, tidak sah dan tanpa sebarang sebab dan alas an yang munasabah oleh Defrendan Pertama hingga Defendan Keempat ...* G

7. Kesemua daging-daging babi hutan yang disimpan dalam lori Plaintif Kedua tersebut *telah disita secara salah, tidak sah dan secara penyalahgunaan kuasa* oleh Defendan Pertama hingga Defendan Keempat ... H

8. Lori Plaintif Kedua tersebut *telah ditahan* oleh Defendan Pertama hingga Defendan Keempat ...

15. ... Plaintif-Plaintif juga katakana bahawa Defendan-Defendan telah menyalahgunakan kuasa mereka dan telah menindas Plaintif-Plaintif d*engan tahanan, tangkapan dan rampasan lori tersebut dan juga rampasan* daging-daging babi hutan tersebut ... I

16. Plaintif katakan bahawa tiada alasan yang munasabah dari segi undang-undang *untuk menahan motorlori tersebut ...*

A 18. Akibat *penahanan motorlori tersebut secara salah dan tidak sah,* operasi perniagaan Plaintif terhenti dan menyebabkan kerugian dan kerosakan besar kepada Plaintif

(RR) (JILID 2-BAHAGIAN B DAN C) (ms (12) (ms 14–15).

B **[28]** Mahkamah ini turut merujuk remedi yang dipohon oleh plaintif pertama dan plaintif kedua seperti berikut:

DAN Plaintif-Plaintif menuntut:

C (a) Gantirugi untuk *penahanan lori milik Plaintif-Plaintif dan daging-daging babi hutan yang disita* yang hanya dilepaskan pada 11/9/2013;

(b) Gantirugi untuk kerugian ekonomi dan kehilangan pendapatan yang disebabkan oleh *penahanan lori Plaintif-Plaintif dan penyitaan daging-daging babi hutan secara salah dan tidak sah*;

D (c) Gantirugi untuk kemerosotan nilai lori tersebut yang disebabkan p*enahanan secara salah dan tidak sah* oleh Defendan.

Mahkamah ini berpendapat setelah meneliti pliding secara keseluruhannya, ia jelas berdasarkan kausa tindakan pada 25.3.2011 dan tindakan plaintif pertama dan
E plaintif kedua termasuk dalam cabang pertama, s 2 (a) PAPA dan bukannya cabang kedua seksyen yang sama.

Mahkamah ini telah meneliti pliding yang difailkan, kausa tindakan tidak termasuk dalam cabang kedua yang menyatakan 'in the case of a continuance of injury or damage, within thirty-six months next after the ceasing thereof ...'.

F **[29]** Mahkamah ini akan merujuk nas-nas duluan yang dirujuk oleh peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar bagi menyokong hujahannya iaitu kausa tindakan termasuk dalam cabang kedua, s 2(a) PAPA. Mahkamah ini akan menyentuh kes *Ibrahim bin Mohideen Kutty* terlebih
G dahulu. Dalam kes *Ibrahim bin Mohideen Kutty*, plaintif telah ditahan di bawah perintah tahanan mengikut peruntukan s 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Pada 3 Januari 2000, plaintif telah dibebaskan daripada perintah tahanan. Plaintif kemudiannya memfailkan saman pemula terhadap Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi menuntut deklarasi perintah tahanan yang tidak
H sah. Peguam kanan persekutuan ('PKP') kemudiannya memfailkan notis permohonan di bawah A 18 k 19(1)(b) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 1980 untuk membatalkan writ dan penyata tuntutan atas alasan ia difailkan melebihi 36 bulan sebagaimana yang diperuntukan di bawah s 2(a) PAPA. PKP menghujahkan tempoh 36 bulan mulai tarikh perintah tahanan dikeluarkan
I pada 7 Julai 1998 dan ia termasuk dalam cabang pertama, s 2(a) PAPA. Sebaliknya peguam plaintif menghujahkan cabang kedua, s 2(a) PAPA terpakai iaitu sebaik plaintif dibebaskan pada 3 Januari 2000. Mahkamah ini merujuk penghakiman YA Low Hop Bing H yang merungkai isu ini memihak kepada plaintif. Dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> In the case of a continuance of injury or damage, in the form of or by way of deprivation of fundamental liberty brought about by a detention order in the instant case which was stated to be for a duration of two years ie, from 8 July 1998 to 8 July 2000, the second limb of s 2(a) would apply, so that for the purposes of imposing the period of limitation, time begins to run when the injury or damage ceases when the detention order expired on 8 July 2000 or more specifically in the instant case when the plaintiff was released on 3 January 2000.

[30] Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Ronald Beadle*, fakta kes juga berbeza dengan kes plaintif pertama dan plaintif kedua. Dalam kes *Ronald Beadle* ia melibatkan cabang kedua, s 2(a) PAPA iaitu kausa bermula sebaik passport diserahkan pada 24 April 1998. Plaintif dalam kes *Ronald Beadle* memfailkan tindakan pada 21 Mei 2000 iaitu dalam tempoh 36 bulan yang dibenarkan mengikut cabang kedua, s 2(a) PAPA.

[31] Akhirnya, mahkamah ini akan menyentuh kes *S Veerasingam* yang dirujuk oleh peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar. Mahkamah ini berpendapat kes *S Veerasingam* ia melibatkan tarikh persaraan yang berkuatkuasa pada 26 Januari 1992 dan tempoh 36 bulan berakhir pada 25 Januari 1995. S Veerasingam telah memfailkan tindakan pada 16 Jun 1994 dan ia dalam tempoh 36 bulan yang dibenarkan, cabang pertama s 2(a) PAPA.

[32] Berbalik kepada rayuan defendan pertama hingga defendan kelima, Mahkamah ini berpendapat tindakan plaintif pertama dan plaintif kedua bergantung kepada 'single act' iaitu termasuk dalam frasa cabang pertama, s 2(a) PAPA. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan pendirian plaintif pertama dan plaintif kedua yang menegaskan kausa tindakan bergantung kepada cabang kedua, s 2(a) PAPA.

KESIMPULAN

[33] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat tindakan plaintif pertama dan plaintif kedua terhalang had masa mengikut cabang pertama, s 2(a) PAPA. Mahkamah ini berpendapat permohonan defendan-defendan termasuk dalam A 18 k 19(1)(b) KKM iaitu 'mengaibkan, remeh atau menyusahkan'.

[34] Mahkamah ini merujuk kes *Credit Corporation (M) Bhd v Fong Tak Sin* [1991] 1 MLJ 409 ada menekankan kepentingan had masa seperti berikut:

> The limitation law is promulgated for the primary object of discouraging plaintiffs from sleeping on their actions and more importantly, to have a definite end to litigation. This is accord with the maxim interest reipublicae ut sit finis litium that in the interest of the State there must be an end to litigation. The rationale of the limitation law should be appreciated and enforced by the Courts.

[35] Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh defendan-defendan. Writ dan penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua dibatalkan. Mahkamah ini memerintahkan kos RM1,500 kepada defendan-defendan dan 5% allocator.

Rayuan defendan-defendan dibenarkan dengan kos sebanyak RM1,500; writ dan penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif pertama dan kedua dibatalkan.

Dilaporkan oleh Lee TJ